

29/09/1997

Dr M rasmi Kampung Buku Langkawi

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Kampung Buku yang pertama di negara ini di Lubuk Semilang Ulu Melaka, Langkawi pada 3 Disember ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan projek itu, Abdul Rahman Ariffin berkata, pelancaran itu diadakan ketika Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima 1997) dari 2 hingga 7 Disember.

Sempena pelancaran itu, penganjur akan mengadakan bazar buku selama tiga hari sebelum perasmian bagi mempromosikan Kampung Buku, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan kampung itu di sini semalam.

Katanya pelbagai jenis buku terbitan dalam dan luar negeri akan dipamerkan pada bazar itu.

Kampung yang diilhamkan oleh Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid akan menjadi tarikan baru kepada peminat buku dalam dan luar negara. Ia adalah yang pertama di Asia Tenggara dan ketiga di Asia selepas Jepun Langkawi adalah satu daripada lebih daripada 12 kampung buku di seluruh dunia dan akan dapat menarik peminat buku untuk berkunjung ke pulau bebas cukai itu.

Abdul Rahman berkata, kampung itu dibangunkan dengan mengekalkan keadaan sekeliling akan dapat menarik pengunjung di samping membolehkan pengunjung membaca buku sambil berehat.

(END)